

14 NOV 1996
Measat-Lancar
SATELIT KEDUA MALAYSIA DILANCAR

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Penglibatan Malaysia dalam industri telekomunikasi dan penyiaran di rantau ini maju setapak lagi dengan kejayaan pelancaran satelit keduanya, Measat-2, dari Kourou Space Centre di French Guiana hari ini.

Roket yang membawa Measat-2, Ariane 44L milik Arianespace, dilancarkan pukul 6.40pagi (7.40 malam Rabu di French Guiana) dengan disaksikan oleh rakyat Malaysia di rumah melalui siaran secara langsung melalui RTM 1.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di Kourou bagi menyaksikan peristiwa bersejarah itu.

Yang turut berada di sana ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Tun Haniff Omar, Pengerusi Binariang Sdn Bhd, pemilik satelit itu, dan Tan Sri T. Ananda Krishnan, pemegang saham terbesar Binariang.

Selepas disahkan bahawa satelit itu telah ditempatkan di orbit, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Arianespace, yang melancarkan Measat-1 pada Januari lepas, kerana kejayaan pelancaran kedua ini.

"Ini ialah pengalaman pertama saya melihat pelancaran seperti itu. Saya agak ragu-ragu sedikit kerana biasanya apabila saya hadir, ada saja yang tidak kena," kata beliau secara berseloroh.

Perdana Menteri terus membuatkan ramai ketawa apabila beliau meneruskan ucapan ringkasnya dengan berkata: "Itulah sebabnya kenapa saya tidak pernah menonton perlawanan bola sepak atau apa-apa pertandingan kerana saya menjadi bimbang kerana akhirnya pasukan yang saya sokong selalunya kalah. Tetapi di sini, saya di pihak yang menang dan saya mengucapkan terima kasih kepada Arianespace kerana menjalankan tugas dengan baik."

Media tempatan mengikuti siaran pelancaran satelit itu dari Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia sepatutnya berbangga dengan kejayaan pelancaran itu dan berharap Measat-2 akan membawa banyak manfaat kepada negara dalam menuju Wawasan 2020.

Perdana Menteri juga berharap kerjasama akan wujud antara Measat-2 dan Arabsat 2B, satelit organisasi Arabsat yang dilancarkan bersama satelit Malaysia.

Pengarah eksekutif Binariang Noordin Baharuddin tidak menolak kemungkinan kerjasama antara Binariang dan pemilik Arabsat 2B.

"Idea itu menggambarkan wawasan Perdana Menteri bahawa syarikat Malaysia sepatutnya bergerak di peringkat dunia," kata beliau kepada pemberita.

Binariang membelanjakan RM600 juta untuk membina, mengendali dan melancarkan bagi Measat-1 dan Measat-2 yang direka bagi memberi khidmat kepada rakyat Malaysia dan rantau Timur Asia.

Arianespace ialah konsortium lebih 30 perbadanan industri penerbangan dan elektronik Eropah, bank dan agensi angkasa Perancis.

-- BERNAMA
MAM NHD MAI